

RM1.3 juta naik taraf pementong di Johor Jaya

JOHOR BAHRU - Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) memper-untukkan RM1.3 juta untuk kerja-kerja menaik taraf pementong di Jalan Baka-wali 91 dan Jalan Rosmerah Utama, Johor Jaya di sini bagi mengelak kejadian banjir yang sering melanda kawasan itu setiap tahun berulang.

Sebanyak RM550,000 di-gunakan untuk memecah dan memasang pementong baharu berbentuk gerbang di Jalan Bakawali 91 manakala bakinya untuk kerja-kerja memasang pementong tambahan.

Ahli Dewan Undangan Negeri Johor Jaya, Tan Cher Puk berkata, buat sementara waktu, laluan di kedua-dua jalan berkenaan akan ditutup kepada lalu lintas bermula 27 Ogos hingga 1 Oktober ini.

"Sebagai alternatif, kesemua pengguna jalan raya di kawasan ini dinasihatkan menggunakan Jalan Bakawali 19, Jalan Bakawali 10 dan Jalan Bakawali 48 walaupun laluan agak jauh," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini semalam.



CHER PUK (dua dari kanan) meninjau sistem perparitan yang terpaksa menampung limpahan air setiap kali banjir di Taman Johor Jaya, Johor Bahru semalam.

Hadir sama ialah Juru-teknik MPJBT yang mengendalikan projek berkenaan, Zahrul Ariffin Hassan.

Projek itu ujar Cher Puk merupakan susulan daripada

agenda yang dirancang menerusi Jawatankuasa Khas Pelan Mengatasi Masalah Banjir yang dianggotai oleh MPJBT, Jabatan Pengaliran Saliran negeri dan Jabatan Kerja Raya negeri.